

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 FEBRUARI 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tarikan terbaru	Harian Metro
2.	Sedia RM850j	Harian Metro
3.	Penubuhan Pusat Inovasi Negara dorong idea dan produk	Bernamea.com
4.	3 negeri mohon benih awan	Harian Metro
5.	Pembenihan awan dilakukan jika darurat akibat kemarau diisytihar – MOSTI	Bernamea.com
6.	MKN, Jabatan Meteorologi bersedia lakukan pembenihan awan	Bernamea.com
7.	Lapan usahawan ikuti latihan ECERDC terima pembungkusan produk SIRIM April depan	Bernamea.com
8.	Tiada awan sesuai	Harian Metro
9.	Cloud seeding ops to begin	The Star
10.	Heat causes new set of woes for nation	New Straits Times
11.	Cuaca panas bukan kemarau	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 59
TARIKH: 22 FEBRUARI 2014 (SABTU)



HASAN (kiri) melawat pameran bersama Abu Bakar (dua dari kanan) selepas melancarkan pusat pelancongan terbaru Innocraft Melaka di Batu Berendam.

Tarikan terbaru

SIRIM bangun pusat pelancongan inovasi, teknologi

Oleh Nur Ain Musdad
am@mediaprima.com.my
Melaka

Sebuah pusat pelancongan baru berkonsep inovasi dan teknologi, Innocraft Melaka, di Batu Berendam dijangka mampu menjadi tarikan terbaru pengunjung untuk mendapatkan hasil kraf-tangan berkualiti.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri Datuk Hasan Abdul Rahman berkata, Innocraft Melaka di-bangunkan SIRIM Berhad dengan sokongan dana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

"SIRIM berhasrat membantu pengusaha seni kraf dengan menambah nilai produk kraf melalui intervensi teknologi dan inovasi yang mana kepakarannya ada di SIRIM. Hasrat itu dikembangkan dengan menyediakan landasan untuk pengusaha kraf memasarkan produk mereka.

"Bersandarkan kepada teknologi sebagai asas pembangunan kraf, Innocraft Melaka menjadi

perintis projek ini dengan menempatkan 10 usahawan termasuk dari Sarawak, Sabah, Pahang, Terengganu, Melaka, Kuala Lumpur dan Selangor," katanya ketika berucap di Majlis Pelancaran Innocraft Melaka di SIRIM, Batu Berendam, dekat sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah; Pengerusi SIRIM Berhad Datuk Jamaliah Kamis; Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad Dr Zainal Abidin Mohd Yusof dan Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya.

Hasan berkata, Innocraft Melaka dibuka secara percuma kepada pengunjung setiap hari kecuali hari Selasa pada jam 10 pagi hingga 6 petang.

"Bertemakan 'teroka untuk merasai pengalaman' pengunjung berpeluang menghasilkan sendiri barang kraf-tangan dengan menggunakan inovasi dan teknologi yang terdapat di Innocraft Melaka selain melawat tapak pameran kraf dan jualan produk kraf.

"Saya yakin Innocraft Melaka akan menjadi produk pelancongan tambahan pengunjung di negeri ini dan bukan hanya untuk mendapatkan hasil kraftangan negara tetapi juga membantu menggalakkan penyertaan ahli keluarga dalam menghasilkan kraf tangan mengikut kreativiti sendiri menggunakan teknologi inovasi sedia ada," katanya.

FAKTA

Innocraft Melaka menjadi perintis projek ini dengan menempatkan 10 usahawan

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 74
TARIKH: 22 FEBRUARI 2014 (SABTU)



DR Abu Bakar (kiri) melihat pameran ketika majlis pelancaran 'Malaysia Technology Expo (MTE) 2014'.

Sedia RM850j

■ MOSTI sasar sumbang 1.89% kepada KDNK

Oleh Hafiz Ithnin
Hafizithnin@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menasaskan dapat menyumbang sebanyak 1.89 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini berbanding 1.78 peratus tahun lalu.

Peningkatan itu sejajar dengan sasaran dua peratus menjelang 2020 yang memperkasakan penyelidikan bagi tujuan pengeluaran produk komersial sebagai fokus utama.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Dah berkata, tahun ini kementeriannya memperuntukkan RM850 juta bagi menyediakan pelbagai insentif dan galakan kepada penyelidik bagi membangunkan pelbagai produk untuk dikomersialkan kepada pemain industri tempatan dan asing.

Sepanjang Rancangan Malaysia Ke-9 sebanyak 342 produk berjaya dikomersialkan oleh penyelidik tempatan dan bermula tahun ini pihaknya menasaskan sekurang-kurangnya

60 produk mampu dikomersialkan.

"Walaupun sepanjang Rancangan Malaysia Ke-9 sebanyak 342 produk berjaya dikomersialkan, tetapi ia masih dilihat sedikit dan kurang menonjol di pasaran. Untuk itu, tahun ini kita akan menjalankan aktiviti pengkomersialan secara agresif untuk memperkenalkan produk hasil kajian penyelidik tempatan.

"Selain itu, kementerian juga berhasrat untuk meminta peruntukan tambahan bagi membangunkan pusat komersial produk inovasi pada tahun ini kepada dan ini dilihat sebagai usaha bagi mengumpulkan produk inovasi yang berjaya meraih kejayaan dalam pelbagai pertandingan di Malaysia dan luar negara," katanya pada majlis pelancaran Ekspo Teknologi Malaysia (MTE), kelmarin.

MTE adalah acara tahunan diadakan oleh Persatuan Penyelidik Sains Malaysia (MARS) bagi membolehkan bahan penyelidikan dipamer kepada pemain industri untuk dikomersialkan ke dalam pasaran bermula pada 20 hingga 22 Februari ini di Pusat Dagangan Putra, Kuala Lumpur.





Penubuhan Pusat Inovasi Negara Dorong Idea Dan Produk - Najib

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak yakin penubuhan pusat inovasi negara akan membantu meningkatkan idea dan produk inovatif di Malaysia.

Dalam terbitan twitter terbarunya Sabtu berhubung pusat tersebut, Perdana Menteri melampirkan satu laporan BERNAMA bertajuk "Kementerian Sains akan menubuhkan Pusat bagi Produk Inovasi Tempatan" pada Khamis.

Laporan itu menyebut **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** sebagai berkata kementerianya akan menubuhkan sebuah pusat komersil inovasi negara bagi menempatkan semua produk dan hasil penyelidikan tempatan yang telah mendapat anugerah dan pengiktirafan seberang laut.

Abu Bakar berkata pusat itu, antara lain akan menjadi platform untuk mengkomersil produk inovasi negara memandangkan banyak yang belum diketengahkan di pasaran.

Beliau berkata langkah itu perlu untuk menjadikan negara ini pengeksport teknologi, dan menentukan bahawa sasaran dua peratus sumbangan kepada Produk Dalam Negeri Kasar menjelang 2020 tercapai.

--BERNAMA

